

MAHATHIR PNG

(1)

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM, 19 NOV)

1983  
KUALA LUMPUR, 19 NOV. (BERNAMA) -- MALAYSIA YAKIN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DAPAT MENGATASI RINTANGAN-RINTANGAN YANG MENYEKAT MEREKA DAN MENCAPAI TAHAP PEMBANGUNAN DAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG LEBIH TINGGI MENERUSI KERJASAMA YANG BERKESAN DAN BERMAKNA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MALAYSIA BERPEGANG KUAT KEPADA KONSEP KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN, IAITU KERJASAMA SELATAN-SELATAN.

BERUCAP DALAM JAMUAN MAKAN MALAM BAGI MERAIKAN PERDANA MENTERI PAPUA NEW GUINEA ENCIK MICHAEL SOMARE DI SINI, BELIAU BERKATA MALAYSIA TELAH MENAWARKAN +KERJASAMA TEKNIKAL SEKADAR YANG BOLEH KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TERMASUK PAPUA NEW GUINEA.+ -- LAGI

MAHATHIR - PNG 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA DAN PAPUA NEW GUINEA MERUPAKAN PENGELUAR BARANGAN UTAMA DAN TERPAKSA MENGATASI MASALAH YANG SERUPA BAGI MEMASTIKAN HARGA YANG ADIL DAN STABIL BAGI KELUARAN MEREKA.

KEDUA-DUA NEGARA TERPAKSA MEMASTIKAN YANG MEREKA TIDAK MENJADI MANGSA PIHAK-PIHAK TIDAK BERTANGGUNGJAWAB YANG MELAKUKAN +MANIPULASI DAN SPEKULASI+ DI BURSA-BURSA KOMODITI.

BELIAU GEMBIRA YANG PAPUA NEW GUINEA TELAH MENDAPATI BEBERAPA PROGRAM LATIHAN MALAYSIA BERGUNA BAGINYA.

PARA AHLI PERNIAGAAN KEDUA-DUA BUAH NEGARA JUGA TELAH MENGADAKAN PERTEMUAN UNTUK MENINJAU POTENSI PELABURAN DAN PERDAGANGAN SECARA TERUS. -- LAGI 1929/MK

MAHATHIR - PNG 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAWARKAN KEPADA PAPUA NEW GUINEA PENGALAMAN DAN KEMAHIRAN MALAYSIA DALAM ASPEK-ASPEK PRAKTIKAL RANCANGAN TANAH ATAU PERTANIAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MASALAH-MASALAH POLITIK DAN KEADAAN TIDAK TENTERAM DI ASIA TENGGARA ADALAH DISEBABKAN OLEH PERSAINGAN ANTARA KUASA-KUASA BESAR.

DALAM USAHA UNTUK MEMBEBASAKAN RANTAU INI DARI ANCAMAN, ASEAN TELAH MENERIMA PERISYTIHARAN KUALA LUMPUR BAGI MEMUJUDKAN ZON AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI.

BELIAU JUGA MENERANGKAN USAHA ASEAN UNTUK Mencari penyelesaian politik menyeluruh bagi masalah KAMPUCHEA DAN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PAPUA NEW GUINEA KERANA MEMBERI SOKONGANNYA DI BANGSA-BANGSA BERSATU. -- LAGI 1931/MK

MAHATHIR - PNG 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN KEBIMBANGAN MALAYSIA AKAN KEADAAN DI BAHAGIAN-BAHAGIAN LAIN DI DUNIA.

MALAYSIA, KATANYA TURUT BIMBANG ATAS BERTERUSANNYA UJIAN NUKLEAR DI PASIFIK SELATAN DAN MENYOKONG PAPUA NEW GUINEA DALAM USAHANYA UNTUK MENGHENTIKAN KEGIATAN-KEGIATAN YANG TIDAK DIINGINI SEPERTI ITU DI RANTAU TERSEBUT.

MENGENAI ANTARTIKA, BELIAU BERKATA DAYAUSAHA MALAYSIA MEMBAWA ISU KE PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU ADALAH SELARAS DENGAN MATLAMAT KEAMANAN DAN KESTABILAN ANTARABANGSA. -- BERNAMA